

**Mesyuarat Agung PIBG SMK
Pantai Kali Ke-23
Berlangsung dengan Penuh
Muafakat**



**SMK PANTAI
WP LABUAN**

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIBG 2025


Kali Ke-23

DIRASMIKAN OLEH
EN. ISMAIL BIN ABDULLAH
PENGETUA SMK PANTAI



**DEWAN SMK PANTAI
10 MEI 2025 (SABTU)**

0800 PG ~ 1100 PG



Labuan, 10 Mei 2025 – Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai kali ke-23 telah berlangsung dengan penuh muafakat dan komitmen antara pihak sekolah dan ibu bapa. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengetua SMK Pantai, Encik Ismail

bin Abdullah.

Dalam ucapan perasmianya, Encik Ismail menegaskan kepentingan sokongan ibu bapa dalam usaha merealisasikan beberapa agenda pendidikan utama sekolah, termasuk perluasan Dasar Pendidikan STEM dan TVET, peningkatan mutu pendidikan Bahasa Inggeris, serta pembangunan ekosistem pendidikan digital. Beliau menekankan bahawa kesepakatan antara ibu bapa dan guru adalah asas kepada kejayaan murid-murid.

Mengulas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024, Encik Ismail memaklumkan bahawa daripada 189 calon, peratus kelulusan adalah 98.94%. Lebih mengagumkan, bilangan pelajar yang memperoleh semua A meningkat kepada lima orang. Peningkatan ini mencerminkan kejayaan sekolah dalam memperkasakan pendidikan berkualiti.

Walaupun pencapaian akademik mengagumkan, cabaran masih ada terutama dalam aspek kehadiran murid. Setakat ini, kehadiran murid SMK Pantai berada pada kadar 86%, berbanding sasaran KPI 2025 WP Labuan iaitu 93.95%. Dalam aspek pembayaran sumbangan PIBG bagi tahun 2024, prestasi berada pada tahap 65%, dan beliau berharap ibu bapa dapat menjelaskan sumbangan setelah pihak sekolah menerima surat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan.

Encik Ismail turut memberikan jaminan kepada ibu bapa bahawa pihak sekolah akan terus berusaha memastikan anak-anak mereka diajar, dibimbing, serta diberi peluang dan pendedahan untuk mencapai kejayaan di pelbagai peringkat. Beliau menyeru semua pihak untuk berganding bahu demi masa depan anak-anak dan kecemerlangan SMK Pantai.

Menjadikan mesyuarat lebih menarik, tahun ini ia berlangsung lebih singkat kerana tiada pemilihan AJK baharu. Namun, lebih 100 cabutan bertuah telah disediakan untuk para hadirin, hasil sumbangan daripada ibu bapa,

guru dan pihak luar yang prihatin terhadap sekolah. Encik Ismail mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang dan mendoakan agar mereka dimurahkan rezeki.

Mesyuarat Agung PIBG SMK Pantai kali ke-23 bukan sekadar forum perbincangan, tetapi juga bukti semangat muafakat dalam memastikan kejayaan pelajar serta perkembangan sekolah ke arah yang lebih cemerlang.

Berita Disediakan Oleh : SMK Pantai WP Labuan







